

Kita tidak setuju

9 OCT 2001

KUALA LUMPUR 8 Okt. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia tidak bersetuju dengan tindakan Amerika Syarikat (AS) menyerang Afghanistan kerana ia tidak berkesan untuk menghapuskan keganasan.

Beliau berkata, tindakan AS bersama beberapa negara sekutunya tidak akan mendatangkan kesan kerana kebanyakan daripada penganas berada di luar Afghanistan ketika serangan itu dilakukan.

"Jadi kita tidak akan mengambil apa-apa tindakan atau sokongan dalam usaha (AS) ini.

"Pendirian kita ialah masalah yang menyebabkan mereka ini mengganas mestilah ditangani sekarang," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen di sini, hari ini.

Perdana Menteri ditanya pendirian Malaysia terhadap tindakan AS melancarkan serangan ke atas ibu negara Afghanistan, Kabul, pada pukul 9 malam tadi (12.30 tengah malam waktu tempatan) dalam operasi memerangi keganasan.

Ditanya mengenai bukti penglibatan Osama bin Laden yang ditunjukkan oleh Duta AS ke Malaysia, Marie Huhtala kepada Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, Jumaat lalu, Perdana Menteri berkata, beliau mempunyai pendirian yang sama sebagaimana diumumkan olehnya semalam.

"Saya sendiri tidak melihat (bukti itu), cuma Menteri Luar yang tengok tetapi kalau beliau kata ada bukti tentulah saya bersetuju dengan menteri saya," katanya.

Ditanya pandangan beliau sama ada serangan terbaru ini sebagai kempen besar-besaran serangan AS terhadap umat Islam, Dr. Mahathir berkata: "Apa yang kita lihat mereka bukan menyerang umat Islam. Jika benar mereka menyerang umat Islam terdapat orang Islam di seluruh dunia dan sudah tentu mereka menjadi mangsa serangan.

"Jadi saya fikir pendirian (AS) masih jelas iaitu menyerang kedudukan yang dipercayai lokasi penganas," katanya.

Ditanya kemungkinan serangan itu akan mencetuskan keganasan di Malaysia terutama terhadap kepentingan AS seperti pejabat kedutaannya, Perdana Menteri menegaskan kerajaan tidak sekali-kali membenarkan ia berlaku.

"Tetapi kadang-kadang mungkin ada pihak yang hendak menyerahkan memorandum, itu dibenarkan tetapi tolong lakukannya secara aman," katanya.

Mengenai sama ada serangan terhadap Pusat Dagangan Dunia dan Pentagon di AS pada 11 September lalu merupakan peringatan kepada Malaysia mengenai bahaya keganasan, Perdana Menteri menjelaskan, sebarang fahaman yang menerima keganasan atau cuba menuduh kerajaan bersandiwara dalam usaha menanganinya tidak boleh diterima sama sekali.

"Seperti yang anda lihat, kita bukan bermain sandiwara. Kita menguruskan negara ini dan tidak boleh menyuruh orang berlakon, mencuri

tindakan AS

senjata dan membunuh orang sebagai sebahagian daripada sandiwara.

"Ini adalah cubaan untuk melepaskan diri mereka daripada dikaitkan dengan kumpulan (penganas) dan ini kita tidak boleh terima," katanya.

Perdana Menteri menegaskan, kerajaan perlu mengambil tindakan terhadap sesiapa sahaja yang menyokong atau terlibat dalam kegiatan keganasan.

"Tidak kiralah apa yang mereka kata mengenai kita, kerajaan ada tanggungjawab terhadap rakyat di negara ini," katanya.

Kutuk guna keganasan

Mengenai pembekuan akaun penganas di Malaysia, Dr. Mahathir berkata, kerajaan telah lama menjalankan siáatan tetapi mendapati tidak ada sebarang akaun yang melibatkan anggota Al-Qaeda atau Osama di negara ini.

Terdahulu, ketika menjawab soalan tambahan **Datuk Ahmad Husni Hanadzlah (BN-Tambun)** di Dewan Rakyat, Perdana Menteri mengulang pendirian Malaysia bahawa kerajaan menolak dan mengutuk penggunaan keganasan untuk mencapai apa-apa matlamat.

"Selagi ada cara yang terbuka untuk menyelesaikan masalah atau ketidakpuasan hati terhadap apa-apa perkara, keganasan tidak harus menjadi pilihan," katanya.

Menjawab soalan tambahan Husni, kata Dr. Mahathir, beliau telah menulis kepada Perdana

Menteri Britain, Tony Blair menjelaskan pendirian Malaysia dan meminta bersetuju diadakan persidangan antarabangsa untuk berbincang mengenai definisi keganasan dan penganas.

Selain itu, Dr. Mahathir menjelaskan pendirian Malaysia kepada Presiden AS, George W. Bush mengenai perlunya punca-punca keganasan di beberapa negara seperti Iran, Iraq, Sudan dan Libya dikenal pasti untuk memastikan kegiatan berkenaan dapat dibendung.

Beliau berkata, tindakan memusnahkan Afghanistan menerusi serangan ketenteraan tidak akan membantu menghapuskan penganas kerana yang mengganas adalah rakyat Arab Saudi dan Mesir yang berada di Afghanistan.

"Maka kalau dimusnahkan Afghanistan, orang luar mungkin mengganas lagi dan peperangan akan berlaku secara meluas.

"Sebab itu saya mencadangkan diadakan mesyuarat menentukan siapa penganas dan apakah tindakan yang boleh diambil kita," katanya yang juga telah berbincang dengan Presiden Iran, Muhammad Khatami berhubung isu berkenaan.

Menjawab pertanyaan anggota Parlimen yang sama, Dr. Mahathir berkata, Malaysia turut menghadapi risiko kerana rakyat negara ini mungkin turut menjadi mangsa serangan AS.

"Kita menghadapi risiko dalam konflik ini kerana kemungkinan juga rakyat Malaysia terlibat secara langsung atau tidak langsung dan mereka menjadi mangsa," katanya.